

35 penuntut sertai program Dari Kampus Ke Lapangan Masyarakat

Jasa siswa UMP kepada warga emas



PARA pelajar UMP yang terlibat dalam menjayakan projek Semaian Bakti di Sungai Petani, Kedah, baru-baru ini bergambar kenangan sambil menunjukkan isyarat bagus.

Um (Hello) Kaly 20/1/13 m12c

Oleh SITI NORIZAT
SHIKH ABDUL JALIL
utusanktn@gmail.com



KUANTAN 29 Jan. - Sebanyak 35 penuntut Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengisi cuti semester mereka dengan mengadakan projek Semaian Bakti di Rumah Seri Kenangan (RSK) Bedong, Sungai Petani dan Sekolah Menengah Sains Sultan Mohamad Jiwa di Kedah, baru-baru ini.

Projek yang dianjurkan Kelab In-Smartive itu yang bertemakan Dari Kampus Ke Lapangan Masyarakat mendapat sokongan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Safad) serta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kedah.

Dalam projek itu, mereka bertemu kira-kira 250 warga emas rumah tersebut selain mengadakan program pendidikan bersama 150 pelajar sekolah berkenaan yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Menurut Pengurus Projek Semaian Budi, Muhammad Amin Mohd. Faudzi, 21, inisiatif itu bertujuan mendekati warga emas di rumah berkenaan dan dalam masa sama membantu pemetaan haluan pelajar tingkatan lima sekolah terbabit dalam menghadapi peperiksaan SPM.

"Program bermula dengan penuntut berkhidmat di RSK Bedong

pada waktu siang manakala sebelah malam pula berinteraksi dengan pelajar sekolah berkenaan mengenai persediaan pembelajaran menghadapi peperiksaan penting itu nanti," katanya di sini.

Menurut beliau, aktiviti berjumpa dan melakukan kerja kebajikan bersama warga emas di rumah itu merupakan pengalaman baharu kepada mereka yang pertama kali menyertainya.

"Para penuntut melalui sendiri pengalaman menguruskan kebersihan diri warga emas di situ termasuk menotong kuku, menggantung rambut, menyuap makanan dan memandikan mereka," katanya.

Bagi Timbalan Presiden In-Smartive, Haffizothul Ommi Aziz, 22, walaupun aktiviti yang diadakan agak singkat tetapi keinsafan jelas terpancar di wajah setiap penuntut terbabit.

Dalam pada itu, Penguasa RSK Bedong, Shahrin Nizar Azudin memuji usaha kelab tersebut dan menyifatkannya sebagai aktiviti unik yang belum pernah dilakukan mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) lain sebelum ini.

"Program itu merupakan satu keberanian para penuntut untuk mendekati golongan warga emas dan seawajarnya langkah itu dapat diteruskan pada masa hadapan," ujarnya.